

NAM TINGKATKAN MALAYSIA DAN DR.

5 11/11/11

MATLAMAT kehadiran Malaysia di Persidangan Kemuncak ke-10, Ketua-Ketua Negara Berkecuali (NAM) berjaya apabila soal keganasan di Bosnia-Herzegovina diterima dan dimasukkan sebagai sebahagian dari kandungan Dokumen Perutusan Jakarta.

Malaysia sejak awal lagi di persidangan itu semasa di peringkat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) membawa kepada peringkat Menteri Luar dan kemudian ke tingkat ketua-ketua negara memperjuangkan habis-habisan isu Bosnia-Herzegovina.

Oleh kerana ketegasan Malaysia yang mahukan apa cara sekalipun soal Bosnia-Herzegovina dimasukkan ke dalam Perutusan Jakarta menyebabkan majlis penutup Persidangan Kemuncak itu yang dijadualkan pada jam 10.00 pagi 6 September terpaksa ditunda ke jam 5.30 petang.

Selepas majlis penutup, Menteri Luar Dato' Abdullah Ahmad Badawi keluar dengan senyuman lebar dari balai persidangan menandakan bahawa perjuangan Malaysia dalam isu Bosnia-Herzegovina memperoleh kejayaan.

Di sidang akhbar Dato' Abdullah menyatakan rasa puashati dan gembira Malaysia kerana perjuangannya untuk membawa isu Bosnia-Herzegovina supaya mendapat satu kata sepakat telah berhasil.

"Dalam tempoh dua minggu lagi satu keputusan yang positif akan dibuat di Persidangan Menteri-Menteri Luar di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pada saat itu nasib Yugoslavia akan turut diketahui sama ada ia akan disingkirkan atau tidak dari NAM," kata Abdullah.

Seorang diplomat yang diminta mengulas kejayaan Malaysia itu berkata "*We've won the battle but not war.*" Maksud beliau perjuangan Malaysia selama ini supaya dunia memberi perhatian ke atas keganasan yang dilakukan oleh kaum Serbia ke atas umat Islam Bosnia-Herzegovina telah berhasil walaupun NAM gagal membuat keputusan menyingkirkan Serbia dan Montenegro yang mengaku mewakili Yugoslavia yang asal, tidak mencapai kata sepakat.

Dilihat dari isu-isu yang dibangkitkan pada NAM ke-10, Malaysia menjadi negara pelopor seperti isu Palestin, penyusunan semula PBB supaya lebih demokratik dari segi keanggotaan Majlis Keselamatan dan penghapusan kuasa veto, perang saudara di Somalia, sikap angkuh Amerika Syarikat dan hubungan perdagangan yang tidak seimbang antara negara-negara Selatan-Utara.

Kesemua perkara ini disentuh oleh Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya di persidangan itu dengan mendapat sokongan padu dari banyak Ketua Negara NAM. Dalam lain perkataan suara Malaysia didengar dan disokong di NAM. Dr. Mahathir yang dicuba menjadi "Suara" Dunia Ketiga dalam isu-isu tertentu tetap lantang dalam ucapannya memperjuangkan apa yang dianggap benar dan adil.

Atas ketegasan itu Malaysia dihormati dan disegani malah imej Malaysia dan Dr. Mahathir sendiri dipandang tinggi di kalangan ketua-ketua Negara NAM selepas Persidangan Kemuncak ke-10 itu yang berakhir Ahad, 6 September lalu. Ketenangan yang dipamerkan oleh Dr. Mahathir semasa

**LAGI IMEJ
MAHATHIR**



ABDUL RASHID AHMAD

**WAKIL UTUSAN
JAKARTA**

dihujani oleh soalan-soalan dari ratusan wartawan jelas menunjukkan kewibawaannya sebagai seorang tokoh yang berani dan bijaksana.

Namun begitu dilihat secara keseluruhannya beberapa isu yang dibangkitkan di NAM ke-10 tidak lantas mendapat sokongan dari golongan tertentu. Misalnya isu penyusunan semula PBB. Setiausaha Agung PBB, Boutros-Boutros Ghali dengan mentah menolak cadangan tersebut.

Katanya adalah mustahil bagi NAM untuk mengubah struktur PBB supaya lebih demokratik dalam keahlian Majlis Keselamatannya kerana jika perubahan mahu dilakukan prinsip piagam badan dunia itu perlu ditukar terlebih dahulu.

"Jika kamu mahu mengubah komposisi Majlis Keselamatan, kamu mesti terlebih dahulu membuat perubahan kepada piagam PBB dan menurut Perkara 109, sesuatu kajian atau perubahan tidak boleh dilakukan tanpa persetujuan dari kelima-lima wakil tetap majlis itu," tegasnya kepada para pemberita.

Penyusunan semula

Beliau menambah cara yang boleh dilakukan ialah hanya dengan memujuk kelima-lima wakil tetap majlis itu membuat penyusunan semula tetapi beliau enggan memberi sokongan atau campur tangan.

Malah China sendiri tidak begitu yakin bahawa penyusunan semula itu dapat dilakukan. Kenyataan Menteri Luarnya, Qian Qichen jelas menunjukkan bahawa China begitu berhati-hati dalam isu ini.

Ketika ditanya wartawan beliau berkata: "Sebarang perubahan terutama yang menyangkut pindaan kepada Piagam PBB perlu dikaji secara teliti kerana melibatkan banyak implikasi undang-undang yang akhirnya akan membantut segala penyelesaian yang diidam-idamkan."

"Saya rasa lebih baik kita tinggalkan sahaja soal ini dan tidak begitu tergesa-gesa dalam mengambil tindakan," ujarnya kepada wartawan.

China, Amerika Syarikat, Britain, Russia dan Perancis adalah lima wakil tetap dalam Majlis Keselamatan PBB. Mereka diberi kuasa veto sementara 15 lagi anggota sementara yang dipilih setiap dua tahun ke majlis itu tidak diberi hak kuasa veto.

Keadaan ini iaitu hak kuasa veto dan keanggotaan di Majlis Keselamatan PBB telah dikecam hebat oleh Ketua-Ketua Negara Berkecuali (NAM) pada ucapan-ucapan mereka selama lima hari persidangan itu. China bukan

negara anggota NAM tetapi kehadirannya adalah sebagai pemerhati.

Meneliti kandungan Perutusan Jakarta yang dikeluarkan di akhir persidangan ke-10 Ketua-Ketua Negara Berkecuali (NAM) memperlihatkan hampir kesemua isu yang menyangkut tentang pergolakan dunia sama ada di bidang ekonomi, sosial dan politik telah disentuh dan dibuat keputusan.

Soal Palestin, NAM mengambil keputusan menggesa supaya perjuangan rakyat Palestin diselesaikan menerusi ketetapan-ketetapan yang telah diluluskan oleh PBB iaitu memberi mandat kepada rakyat Palestin menubuhkan kerajaan sendiri di tanah air mereka.

Mengenai Aparteid, NAM mengulangi sokongan pergerakan itu ke atas perjuangan rakyat kulit hitam Afrika Selatan membentuk kerajaan sendiri yang bersatu padu, tanpa mengira kaum dan berlandaskan prinsip-prinsip demokrasi.

NAM ke-10 juga menggesa supaya wang yang dikurangkan dalam perbelanjaan ketenteraan disalurkan untuk membantu ekonomi negara-negara membangun bagi mengurangkan jurang ketidak-seimbangan tahap kemajuan antara negara maju perindustrian dengan negara-negara membangun pertanian.

Dalam usaha menamatkan perang saudara di Somalia

NAM sepakat bersetuju untuk menghantar ketumbukan tentera dari negara-negara anggota dengan penyediaan PBB di samping membekalkan bahan makanan kepada rakyat negara itu yang kebuluran akibat perang saudara dan kemarau.

Turut hangat diperbincangkan pada Persidangan Kemuncak ke-10 NAM ialah soal hutang negara-negara membangun kepada negara-negara maju. Ketua-ketua Negara Afrika seperti Presiden Kenya Daniel T. Arap menghurai panjang tentang keadaan tenat negara-negara Afrika akibat hutang luar negara yang meningkat dan membebakan. Beliau meminta NAM mengemukakan rayuan supaya beban hutang itu dilangsaikan oleh negara-negara peminjam.

Disorot dari segi isu dan persoalan yang dibangkitkan, kita percaya Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Negara Berkecuali (NAM) ke-10 telah berjaya mengubah imej pergerakan itu sebagai satu entiti politik di awal penubuhannya kepada suatu *force* baru di bidang ekonomi.

Ini dikira penting dalam persediaannya untuk menghadapi Order Baru Dunia yang sudah tentu memerlukan peningkatan kerjasama Selatan-Selatan tanpa mengeneipkan hubungan baik dengan negara-negara Utara.

Namun apa yang masih diragukan ialah tindakan susulan yang perlu dilakukan oleh NAM. Persoalan kita apakah isu Bosnia-Herzegovina akan dapat diselesaikan selepas NAM ke-10 selesai. Begitu juga dengan perang saudara dan kebuluran di Somalia. Ini kerana setiap saat berlalu berpuluh umat Islam di Bosnia-Herzegovina terbunuh. Setiap saat kanak-kanak dan orang tua di Somalia akan mati kebuluran.

Ketegangan

Tanggapan kita sekarang ialah secepat mana NAM dapat bergerak untuk melegakan ketegangan di Bosnia-Herzegovina dan menghantar tentera ke Somalia di bawah panji-panji Bangsa-Bangsa Bersatu bagi membawa bekalan makanan untuk menyelamatkan mangsa-mangsa kebuluran.

Lantas itu kita bersetuju dengan kenyataan Menteri Luar Dato' Abdullah Ahmad Badawi bahawa NAM tidak ada ertinya jika tidak dapat menjadi suatu kekuatan moral yang kuat, tinggi kewibawaannya dan mampu menyuarakan kepentingan negara-negara anggota Selatan yang kecil dan lemah dari eksploitasi kuasa-kuasa besar dunia.

Katanya, NAM akan mempunyai kuasa tawar-menawar yang kuat sekiranya seluruh anggota bersatu dan muafakat serta sepakat dalam menghadapi tekanan sama ada di bidang politik mahupun sosial daripada negara-negara maju. Ini kerana kata beliau baik dari segi jumlah penduduk mahupun dari segi jumlah negara yang menjadi anggota NAM bukanlah sebuah pergerakan yang kecil dan sudah tentu sukar dikalahkan.

Dilihat dari sudut keuntungan dan hasil dari persidangan itu, Indonesia selaku tuan rumah telah berjaya "menjual" negaranya kepada negara-negara luar dalam enam hari persidangan itu berlangsung.

Ini terbukti dari beberapa perjanjian yang dimeterai dalam berbagai bidang kerjasama terutama perdagangan dan teknikal khususnya di bidang telekomunikasi antaranya dengan beberapa negara anggota NAM.

Malah, Menteri Pelancongan Indonesia, Soesilo Soedarman turut mengakui bahawa Persidangan Kemuncak NAM ke-10, menjadi batu loncatan untuk negaranya mempromosikan industri pelancongan Indonesia.

"Promosi menerusi NAM ke-10, amat murah, hanya dengan kos 12 juta Rupiah menerusi percetakan risalah dan buku-buku yang diedarkan kepada seluruh delegasi dan wartawan asing, keindahan berbagai projek pelancongan di Indonesia bisa diketengahkan kepada dunia," ujarnya.

Malah tambahnya kesemua kamar di 16 buah hotel bertaraf lima bintang di Jakarta terisi penuh semasa tempoh NAM ke-10 berlangsung. Sudah tentu Indonesia beruntung dari segi tukaran asing. Apatah lagi persidangan itu berlangsung dalam keadaan yang sempurna tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Justeru itu, terdengar kenyataan dari Menteri Setiausaha Negeranya, Moerdiono bahawa kejayaan Jakarta menyempurnakan tugasnya sebagai tuan rumah NAM ke-10, memberi petunjuk bahawa mulai sekarang Jakarta boleh menceburi bidang baru iaitu menjadikan Jakarta sebagai Pusat Konvensyen Antarabangsa terkemuka di rantau ini. Ini sememangnya menjadi matlamat rahsia Indonesia sejak awal lagi.